



**KEMENTERIAN PERUMAHAN
DAN KERAJAAN TEMPATAN**
Unit Komunikasi Korporat
Aras 2, No. 51, Persiaran Perdana
Presint 4, 62100 PUTRAJAYA
MALAYSIA

Tel : 03 8891 5564
Faks : 03 8891 5557
Laman Web : www.kpkt.gov.my
Email : media.ukk@kpkt.gov.my
Twitter : @kpkt_gov
Facebook/ : KPKT Malaysia

Rujukan kami : KPKT/BPK/19/7/4 Klt.46 (60)

Tarikh : 24 September 2021

SIARAN MEDIA

MAJLIS PELANCARAN RUMAH IKRAM KELUARGA MALAYSIA OLEH YAB PERDANA MENTERI

PUTRAJAYA, 24 September 2021 – YAB Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob, Perdana Menteri telah menyempurnakan **MAJLIS PELANCARAN KEDIAMAN RUMAH KELUARGA MALAYSIA (RUMAH IKRAM KELUARGA MALAYSIA)** secara *hybrid* di Dewan Kristal, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) petang ini.

Seramai 105 orang penerima manfaat RUMAH IKRAM KELUARGA MALAYSIA ini telah menerima surat tawaran yang diadakan secara simbolik sempena majlis pelancaran tersebut.

RUMAH IKRAM KELUARGA MALAYSIA merupakan inisiatif bersifat *cushion* atau penampakan yang diperkenalkan oleh KPKT khusus untuk manfaat **rakyat Malaysia yang terkesan akibat pandemik COVID-19 seperti kehilangan pendapatan, kekurangan pendapatan serta kehilangan pekerjaan sehingga tidak lagi mampu membayar sewa yang tinggi, ditamatkan sewaan dan seumpamanya.**

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, YB Dato' Sri Reezal Merican Naina Merican menjelaskan inisiatif ini akan menawarkan sewaan **di kawasan Program Perumahan Rakyat (PPR) di bawah kawal selia dan pengurusan KPKT sehingga dua tahun dengan kadar sewaan minimum iaitu RM124 sahaja** di sekitar Selangor, Kuala Lumpur, Kedah, Kelantan dan Johor. Ia juga merupakan sebahagian daripada usaha bersasar KPKT melalui agenda "*Liveable Malaysia*" iaitu Malaysia Yang Berdaya Huni bagi membantu mereka yang terkesan akibat COVID-19.

Perdana Menteri, YAB Dato' Sri Ismail Sabri Yaakob pula menjelaskan bahawa **Agenda Perumahan akan terus menjadi fokus utama Kerajaan, khususnya dalam menyediakan kediaman mampu milik untuk Keluarga Malaysia.** Malah, Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK-12) dan Belanjawan 2022 yang akan dibentangkan di Parlimen dalam masa terdekat bakal menggariskan hala tuju dan pendekatan kerajaan dalam memastikan kesejahteraan Keluarga Malaysia diberi keutamaan.

YAB Perdana Menteri turut mengumumkan **TIGA MANFAAT TAMBAHAN** RUMAH IKRAM KELUARGA MALAYSIA iaitu:

1. Bilangan RUMAH IKRAM KELUARGA MALAYSIA **ditambah kepada 2,000 unit**;
2. **Pengecualian bayaran sewaan sehingga 6 bulan** bagi penerima manfaat RUMAH IKRAM KELUARGA MALAYSIA; dan
3. **Pemberian moratorium bayaran sewa sehingga akhir tahun 2022** bagi penghuni PPR sedia ada di bawah kawal selia dan pengurusan KPKT.

KPKT juga sedang merangka beberapa lagi inisiatif bersifat responsif serta penampakan untuk merawat keresahan rakyat melalui fungsi serta peranan Kementerian. Usaha ini selari dengan matlamat YAB Perdana Menteri dalam memperkasa gagasan Keluarga Malaysia yang memberi penekanan terhadap kesejahteraan rakyat keseluruhannya.

Syarat-syarat permohonan bagi **Inisiatif Kediaman Keluarga Malaysia** seperti berikut:

- (i) **Pemohon dan pasangan warganegara Malaysia;**
- (ii) **Pemohon berumur 18 tahun dan ke atas;**
- (iii) **Tidak memiliki rumah, tempoh sewaan ditamatkan oleh tuan rumah atau seumpamanya; dan**
- (iv) **Pendapatan isi rumah tidak melebihi RM3,000.00 sebulan.**

Permohonan RUMAH IKRAM KELUARGA MALAYSIA kini telah dibuka secara atas talian melalui portal TEDUH KPKT melalui capaian <https://teduh.kpkt.gov.my>. Maklumat lanjut juga boleh diperolehi melalui portal rasmi KPKT di pautan www.kpkt.gov.my atau portal rasmi Jabatan Perumahan Negara di pautan : <https://ehome.kpkt.gov.my>.

Sebarang pertanyaan mengenai program ini boleh diajukan ke talian hotline Jabatan Perumahan Negara (JPN), KPKT : 03-8891 4475.

#KeluargaMalaysia

#BekerjaBersamaRakyat

-TAMAT-

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) terdiri daripada lapan Jabatan/agensi kerajaan iaitu 1. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, 2. Jabatan Perumahan Negara, 3. Jabatan Kerajaan Tempatan, 4. Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, 5. PlanMalaysia, 6. Jabatan Lanskap Negara, 7. Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata dan 8. Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Agensi lain di bawah KPKT ialah Solid Waste Corporation Malaysia (SWCorp), Urbanice Malaysia, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Perbadanan PRIMA Malaysia.

Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat

b.p. Ketua Setiausaha

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Telefon : 03-8891 5555 | Faks : 03-8891 5557 | E-mel : media.ukk@kpkt.gov.my